

KHUTBAH JUMAAT

“FITRAH PENUAAN”

(01 Disember 2023M/ 17 Jamadilawal 1445H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ
لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Takwa dan iman adalah pelita yang menyinari hati dan kalbu kita, memimpin ke jalan yang benar, memenuhi jiwa dengan kebaikan dan rahmah, menghakis sifat yang buruk dalam hati dan menggantikan kebencian dengan kasih sayang, memandu ke arah kesejahteraan dan keamanan, di dunia dan di akhirat. Justeru, marilah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan dengan menunaikan perintah dan menjauhi tegahan Allah *subhanahu wata'ala*. Mudah-mudahan kita menjadi umat yang terbaik, mampu menjadi contoh dan ikutan umat-umat yang lain.

Khatib ingin mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menghilangkan pahala Jumaat. Kandungan mimbar pada hari ini akan membicarakan secara khusus tajuk “*Fitrah Penuaan*”.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Hakikat penuaan adalah satu kitaran hidup secara fitrah yang ditentukan oleh Allah *subhanahu wata'ala*, bermula daripada janin, bayi, orang muda, dewasa sehingga di usia tua. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Ghafir, ayat 67:

هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ مِنْ نُطْفَةٍ ثُمَّ مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ يُخْرِجُكُمْ طِفْلًا ثُمَّ لِتَبْلُغُوا أَشُدَّكُمْ ثُمَّ لِتَكُونُوا شُيُوخًا ۖ وَمِنْكُمْ مَنْ يُوْتَوَّىٰ مِنْ قَبْلٍ ۗ وَلِتَبْلُغُوا أَجَلًا مُّسَمًّىٰ وَلَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ (٦٧)

Bermaksud: *Dia lah yang menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari (setitis) air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging; kemudian Ia mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian kamu (dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa; kemudian kamu (dipanjangkan umur) hingga sampai menjadi tua. Dan (dalam pada itu) ada di antara kamu yang dimatikan sebelum itu. (Allah melakukan kejadian yang demikian) supaya kamu sampai ke masa yang ditentukan (untuk menerima balasan); dan supaya kamu memahami (hikmat-hikmat kejadian itu dan kekuasaan Tuhan).*

Fitrah penuaan merujuk kepada proses kitaran kehidupan yang telah disusun oleh Allah *subhanahu wata'ala* ke atas semua makhluk termasuk manusia. Menginsafi hakikat tersebut, maka kita sebagai umat Islam perlu bersiap sedia menghadapinya seawal bermulanya kehidupan. Allah *subhanahu wata'ala* telah menentukan ajal sejak azali, maka menghadapi ketentuan ini adalah satu kepastian kerana

setiap kehidupan itu akan berakhir dengan kematian dan dibangkitkan semula pada hari kiamat. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Mu'minin, ayat 15 - 16:

ثُمَّ إِنَّكُمْ بَعْدَ ذَلِكَ لَمَيِّتُونَ (١٥) ثُمَّ إِنَّكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ تُبْعَثُونَ (١٦)

Bermaksud: *Kemudian, sesungguhnya kamu sesudah itu akan mati. Kemudian, sesungguhnya kamu akan dibangkitkan hidup semula pada hari kiamat.*

Justeru, kita haruslah prihatin terhadap penuaan dan golongan warga emas dengan memastikan agar proses penuaan seluruh umat manusia berada dalam keadaan positif dan produktif sehingga mencapai pengakhiran yang terbaik. Ini dapat dicapai menerusi penjagaan hak asasi manusia agar golongan warga emas dapat menikmati kesejahteraan, dihormati, hidup dengan bermaruah dan penuh kemuliaan, serta menyumbang kepada pembangunan negara.

Berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia, peratusan penduduk Malaysia yang berumur 65 tahun dan ke atas meningkat daripada 7.0 peratus (2021) kepada 7.3 peratus pada 2022. Sehubungan itu berdasarkan takrifan PBB, Malaysia menuju negara tua.

Melihat statistik ini, kita harus bersedia dengan risiko yang akan melanda negara sekiranya isu ini tidak ditangani dengan segera. Antara akibatnya, kesukaran warga emas untuk meneruskan kehidupan lanjut usia dari aspek fizikal disebabkan akses kepada

kemudahan awam dan kesihatan yang terhad. Faktor keupayaan pengurusan diri yang lemah dari aspek kewangan serta penyertaan sosial juga boleh menyebabkan kemurungan yang menyumbang kepada masalah kesihatan mental dan emosi.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Hak dan tanggungjawab pemimpin serta peranan masyarakat terhadap golongan warga emas perlu dipenuhi. Mereka harus dilindungi daripada segala bentuk pengabaian, diskriminasi dan penganiayaan, selaras dengan Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan:

“Semua orang adalah sama di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang”.

Lebih-lebih lagi, Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda yang maksudnya:

((Pergilah kamu dengan nama Allah, dengan Allah dan agama Rasullullah, jangan kalian membunuh orang tua yang sudah tidak berdaya, anak kecil dan orang perempuan.))

(Hadis riwayat Imam Abu Daud)

Selain itu, peranan dan tanggungjawab anak-anak dalam menghormati dan menjaga kedua orang tua mereka juga perlu dititik beratkan. Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah mengajar umat manusia untuk sentiasa berbakti dan berlaku baik kepada ibu dan bapa selagi mereka masih hidup. Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda yang bermaksud:

((Kehinaan, kehinaan, kehinaan. Baginda ditanya: “Siapa (yang engkau maksudkan) wahai Rasulullah?” Rasulullah sallallahu alaihi wasallam menjawab: “Siapa sahaja yang mempunyai orang tuanya ketika sudah lanjut usia, salah satu atau keduanya namun tidak (menjadikannya sebab) masuk syurga.))

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Selaras dengan keperluan semasa dan cabaran dalam berdepan fenomena penuaan, Malaysia amat komited dan sentiasa mengambil inisiatif bagi memastikan perlindungan yang inklusif kepada warga emas. Pelbagai dasar dan strategi telah dirangka seperti Dasar Warga Tua Negara pada tahun 1995 yang kemudiannya ditambah baik kepada Dasar Warga Emas Negara pada tahun 2011 dalam menyediakan perkhidmatan dan kemudahan kepada warga emas di Malaysia.

Selain itu, penubuhan Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Kebangsaan, Pusat Aktiviti Warga Emas, Sistem Warga Emas Nasional, program Unit Penyayang Warga Emas serta kemudahan bantuan kewangan menerusi Bantuan Warga Emas di bawah kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat merupakan antara beberapa mekanisme dan inisiatif Kerajaan dalam pemerkasaan sistem sokongan kepada warga emas. Di Sarawak, antara inisiatif yang disediakan kepada warga emas adalah “*Kenyalang Gold Card*” yang banyak memberi kemudahan kepada warga emas tersebut.

Di Malaysia, kita juga mempunyai peruntukan undang-undang yang melindungi setiap warganegara, termasuklah warga emas, khususnya jenayah yang melibatkan sebarang bentuk keganasan atau penderaan sama ada secara fizikal, emosi atau psikologi melalui Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521) dan Kanun Keseksaan. Manakala, dari aspek perlindungan yang lain, Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586) dan Pusat Jagaan 1993 (Akta 506) bertujuan untuk memastikan penjagaan penuaan dilindungi daripada sebarang penyalahgunaan dalam sistem pengurusan dan membendung kes penganiayaan terhadap warga emas.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Menurut Islam, pendekatan Maqasid Syariah boleh dijadikan sebagai panduan dalam pengurusan warga emas khususnya kepada pengurus institusi yang mempunyai kaitan dengan penjagaan warga emas. Infrastruktur dan persekitaran yang selesa merupakan elemen penting dalam memenuhi keperluan asasi (*daruriyyat*) golongan warga emas selain keperluan fizikal, tetapi juga keperluan untuk mengambil berat dalam menambah ilmu pengetahuan dan amalan-amalan berkaitan keagamaan yang kesannya akan memberikan kebaikan kepada jiwa dan roh di samping dapat memanfaatkan usia tua dengan meningkatkan ketakwaan dan iman kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Hujurat, ayat 13 yang bermaksud:

Bermaksud: *Sesungguhnya orang yang paling mulia dalam kalangan kamu adalah orang yang paling bertakwa.*

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pada kesempatan ini, khatib ingin berpesan supaya kita bersama-sama meningkatkan kesedaran dan kesediaan untuk menghadapi penuaan di samping prihatin dalam menyediakan sokongan, bantuan dan kemudahan serta melindungi hak dan tanggungjawab secara saksama kepada warga emas. Kesimpulan daripada khutbah hari ini ialah:

Pertama: Setiap individu perlu bersiap sedia menghadapi penuaan seawal bermulanya kehidupan kerana setiap kehidupan akan berakhir dengan kematian.

Kedua: Hak asasi golongan warga emas perlu dilindungi daripada sebarang bentuk pengabaian, diskriminasi dan penganiayaan.

Ketiga: Menggunakan pendekatan Maqasid Syariah sebagai rujukan dalam pengurusan institusi berkaitan warga emas.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Luqman, ayat 14:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهْنًا عَلَى وَهْنٍ وَفِصْلَهُ فِي عَامَيْنِ أَنْ اشْكُرْ
لِي وَلِوَالِدَيْكَ إِلَى الْمَصِيرِ (١٤)

Maksudnya: Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukur kepadaKu dan kepada kedua ibubapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ،
فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَى اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّدِينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ
وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ الْمُعْتَدِينَ الظَّالِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ
 أَعْدَاءَ الدِّينِ. اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِينَ الَّذِينَ قَتَلُوا إِخْوَانَنَا
 الْمُسْلِمِينَ فِي فَلَسْطِينَ، اللَّهُمَّ بَدِّ شَمْلَهُمْ وَفَرِّقْ جَمْعَهُمْ، وَشَتِّتْ
 كَلِمَتَهُمْ، وَزَلِّزْ أَقْدَامَهُمْ، وَسَلِّطْ عَلَيْهِمْ كَلْبًا مِنْ كِلَابِكَ، يَا قَهَّارُ يَا
 جَبَّارُ، يَا مُنْتَقِمُ، يَا اللَّهُ يَا اللَّهُ يَا اللَّهُ.
 اللَّهُمَّ يَا مُنْزِلَ الْكِتَابِ، وَيَا مُجْرِيَ السَّحَابِ، وَيَا هَازِمَ الْأَحْزَابِ،
 إِهْزِمْهُمْ وَأَنْصُرْنَا عَلَيْهِمْ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.
 اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا فِي كُلِّ مَكَانٍ وَخُصُوصًا فِي بِلَادِ فَلَسْطِينَ، وَارْفَعْ
 عَنْهُمْ الْقَحْطَ وَالْبَلَاءَ وَالْحَرْبَ وَالْإِعْتِدَاءَ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khususnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan

kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diinginkan dan wabak penyakit.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami (orang Islam) di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

رَبَّنَا أَتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.